

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UniMAP**

SEMPENA

***Program Taklimat Waris Sempena Pendaftaran Pelajar***

***Diploma***

***Dan Program Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2011/2012***

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu  
Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti.

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil media,

Yang dihormati para ibu bapa dan waris pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2011/2012.

Selamat pagi, saba' hun khair, good morning, kalai vannakam, zao shang hao, magandang umaga, ahroon sawad.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana hanya dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat berkumpul pada pagi yang sangat makna ini dalam suasana kekeluargaan yang sungguh bermakna. Selawat dan salam kepada Baginda Rasulullah S.A.W, para sahabat dan anggota keluarga Baginda. Semoga himpunan kekeluargaan ini diberkati Allah S.W.T.

Terlebih dahulu izini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan 'Selamat Datang,' , 'Welcome', 'Ahlan Wa Sahlan Wal Marhaban', ke Universiti Malaysia Perlis, **'Universiti Pilihan yang Berdaya Saing' / 'A Competitive University of Choice'** kepada semua yang hadir, khususnya para ibu bapa yang diraikan.

Sekalung tahniah saya ucapkan kepada anak-anak pelajar sekalian yang kini sudah melangkah ke satu alam baru, alam Menara Gading yang bakal menjanjikan pelbagai cabaran dan keseronokan dalam usaha mendaki puncak kejayaan. Saya percaya, adalah menjadi impian dan harapan semua orang untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi tetapi bukan semua orang mampu meraihnya.

Para pelajar harus sedar, persaingan di antara setiap pelajar untuk diterima masuk ke universiti amat sengit. Jika dahulu jumlah pelajar yang mencatatkan keputusan cemerlang tidaklah begitu tinggi, tetapi kini dari tahun ke tahun, jumlah pelajar yang meraih semua A dalam peperiksaan semakin meningkat. Situasi ini menyebabkan ada individu yang gagal melanjutkan pengajian walaupun cemerlang di peringkat SPM.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Hari ini adalah hari yang paling bersejarah buat UniMAP dan 360 pelajar bersamaan 60 pelajar bagi enam program pengajian Diploma yang ditawarkan di UniMAP.

Dengan melihat raut wajah ibu bapa dan anggota keluarga yang hadir pada hari ini dapat saya rasai betapa gembira dan bangganya perasaan para ibu bapa sekalian. Di sebalik wajah-wajah ini juga terselindung harapan dan impian yang menggunung agar anak-anak yang diberi peluang oleh Allah S.W.T menyambungkan pelajaran ini dapat menjadi anak yang lebih kukuh dan mantap iman dan kesolehannya, dan seterusnya berupaya merubah nasib keluarga, bangsa, negara dan ummah seluruhnya.

Saya berasa amat yakin jika ibu bapa sekalian secara berterusan dapat menasihati, menegur dan membimbing anak-anak yang dipinjamkan kepada kami dalam jangka masa tiga tahun

mendatang ini, insya-Allah tanggungjawab kami untuk ‘Melahirkan Modal Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara’, yang menjadi misi UniMAP akan dapat dilaksana dengan lebih realistik.

Diyakini bahawa gabungan dan hubungan mesra secara simbiotik antara ibu bapa, pendidik dan pentadbir, dan diperkukuh oleh bimbingan Tan Sri Dato’ Seri Dr. Haji Zainul Ariff Haji Hussain selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, serta khususnya nasihat dan titah perintah Duli-duli Tuanku Canselor dan Pro-Canselor, akan mempercepat hasrat UniMAP untuk menjadi ‘Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa’ menjelang tahun 2020.

Dengan rasa rendah diri saya mengajak semua yang hadir, secara bersama-sama dalam satu pasukan yang mantap, agar berkongsi idea, melipat-gandakan usaha dan memperbanyak doa, setiap detik waktu dan denyut nadi, supaya misi melahirkan modal insan kamil dan visi menjadi antara 500 buah universiti terbaik di dunia menjelang tahun 2020 menjadi realiti.

Suka saya ingatkan kepada anak-anak pelajar sekalian, walaupun berada berjauhan daripada ahli keluarga, namun komunikasi adalah penting kerana setiap perkara yang anda lakukan haruslah mendapat kebenaran mereka. Saya tidak mahu timbul masalah tidak pulang rumah semasa cuti semester atau sebagainya kerana

anda akan berada dibawah penjagaan UniMAP hanya sewaktu sesi pengajian dan semasa cuti semester sekiranya terdapat sebarang aktiviti. Namun jika tidak terdapat sebarang aktiviti semasa cuti semester anda semua perlu pulang ke rumah masing-masing. Para ibu bapa juga harus mengambil berat mengenai pergerakan anak-anak tambahan lagi kita kini berada pada zaman teknologi diujung jari dengan mengantar SMS, email, facebook atau menghubungi terus melalui panggilan telefon. Oleh itu, saya ingin menyeru semua ibu bapa agar dapat luangkan sedikit masa untuk bertanya khabar akan anak-anak kita di UniMAP ini. Ini secara tidak langsung akan terus mengeratkan hubungan kasih sayang walaupun terpisah dek jarak yang jauh.

Hadirin Ibu bapa dan pelajar sekalian,

UniMAP merupakan kampus teragih yang terletak diseluruh pelosok negeri Perlis. Mula ditubuhkan pada tahun 2002 dan dikenali sebagai Kolej Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Pada tahun 1 Februari 2007, KUKUM melalui penjenamaan semula telah ditukar namanya menjadi UniMAP. Sebagai sebuah universiti, sudah semestinya kita memiliki kampus tetap, dimana, tempat yang anda jejak hari ini merupakan kampus tetap UniMAP yang dikenali sebagai **Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra**. Ia meliputi kawasan seluas 1,028 ekar. Pada masa ini terdapat dua bangunan yang telah beroperasi iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik.

Selain itu, seperti yang tuan/puan saksikan di sekitar kampus ini, terdapat beberapa bangunan lagi yang sudah hampir siap pembinaannya. Antaranya ialah bangunan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Perpustakaan Utama, Pusat Latihan Kejuruteraan, Kompleks Dewan Kuliah dan gelanggang sukan.

Selain kampus ini, terdapat juga **Kampus Hijau** UniMAP di Sg. Chuchoh yang berkeluasan 253 ekar. Di kampus ini terdapat Stesen Penyelidikan Agroteknologi dengan pelbagai teknologi pertanian terkini termasuk lima buah Rumah Hijau Berteknologi Tinggi. Di tapak ini jugalah akan dibangunkan projek pertanian berteknologi tinggi untuk mengeluarkan benih dan tanaman bernilai tinggi dengan memanfaatkan teknologi rumah hijau, mekanisasi, automasi dan kultur tisu yang akan dibiayai oleh Northern Corridor Implementation Agency (NCIA) di bawah Northern Corridor Economy Region (NCER) dengan pembiayaan bernilai RM18.1 juta.

Bagaimanapun, kampus UniMAP yang terbesar pada masa ini ialah Kampus Kota yang teragih di seluruh bandar Kangar dan Kuala Perlis. Oleh kerana sifatnya yang dikatakan sebagai ‘bertaburan’ atau ‘berserakan,’ dan menjadi hakikat bahawa UniMAP berada di setiap pelosok Bandar Kangar, namun ada yang berpendapat sebaliknya. Kata mereka, **“Bandar Kangar kini sudah berada di dalam UniMAP, bukannya UniMAP berada di dalam Bandar Kangar!”**

Barangkali kampus inilah kampus yang terbesar di seluruh dunia. Bagaimanapun, pada masa akan datang, apabila Kampus Alam dan Kampus Hijau siap sepenuhnya, kita merancang untuk mengekalkan sekitar 30% operasi UniMAP di Kampus Kota, dan Pusat Pengajian Perniagaan Inovasi dan Teknousahawanan akan menjadi tonggakunya.

UniMAP juga bercadang untuk mengendalikan satu **projek penternakan Burung Walit** dengan kerjasama Alumni kita sendiri iaitu saudara Tan Wei Chun dengan pelbagai kajian akan dibangunkan dalam aspek penggunaan teknologi untuk meningkatkan populasi dan pengeluaran hasil burung ini. Alumni ini adalah bekas pelajar UniMAP dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan. Namun kini beliau merupakan salah seorang teknousahawan yang berjaya dalam bidang penternakan burung walit.

UniMAP memiliki **Kilang Mengajar** dimana teknologi yang diaplikasikan adalah terkini dan canggih kerana peralatan mesin yang kita gunakan di kilang mengajar ini adalah sama seperti yang terdapat di kilang-kilang. Justeru itu para pelajar tidak akan mempunyai masalah dalam mengendalikan peralatan yang terdapat dikilang-kilang ketika bekerja kelak. Kita juga memiliki **Bilik Bersih (Clean Room)** yang tercanggih dan terbaik di Malaysia.

Saya juga ingin berkongsi pengetahuan dengan semua hadirin yang hadir, UniMAP baru Sembilan tahun penubuhannya namun dapat melahirkan graduan yang benar-benar berkualiti dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi bagi memenuhi keperluan industri. Sebagai bukti 100 peratus graduan pertama pada 2006 dan 2007 sebanyak 88 peratus direkodkan mendapat pekerjaan, diikuti 85 peratus graduan 2008, 68 peratus graduan 2009 dan 2010 sebanyak 76 peratus.

Hadirin sekalian,

UniMAP pada hari ini (meskipun baru sembilan (9) tahun bersaing) berkeyakinan tinggi dan dengan sepenuh keikhlasan menawarkan kepada semua klien dan pihak berkepentingan sebagai 'Universiti Pilihan yang Berdaya Saing'. Sebagai bukti keyakinan dan keikhlasan dakwaan ini, lihatlah paparan pencapaian UniMAP dalam beberapa aspek yang sering dijadikan kriteria penilaian oleh agensi-agensis penilai. **(Huraian ini merujuk jadual 1 di slide presentation)**



Jadual 1: Program Pengajian dan Pengiktirafan pada slide presentation

<b>PUSAT PENGAJIAN</b>	<b>PROGRAM AKADEMIK</b>		
	<b>Ijazah Muda</b>	<b>Sarjana</b>	<b>Diploma Kejuruteraan</b>
			<b>Pascasiswazah (MOD PENYELIDIKAN)</b>
Mikroelektronik	Kejuruteraan Mikroelektronik		M.Sc. (Kejuruteraan Mikroelektronik) Ph.D
	Kejuruteraan Elektronik	Kejuruteraan Mikroelektronik <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	
	Kejuruteraan Fotonik		
Komputer & Perhubungan	Kejuruteraan Komputer	Kejuruteraan Komputer <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc (Kejuruteraan Komputer) M.Sc (Kejuruteraan Perhubungan ) Ph.D
	Kejuruteraan Perhubungan		
	Kejuruteraan Rangkaian Komputer		
Mekatronik	Kejuruteraan Mekatronik	Kejuruteraan Mekatronik <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc (Kejuruteraan Mekatronik) M.Sc (Kejuruteraan Mekanikal) M.Sc (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan) Ph.D
	Kejuruteraan Mekanikal		
	Kejuruteraan Bioperubatan		
Sistem Elektrik	Kejuruteraan Sistem Elektrik	Kejuruteraan Elektrik <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc (Kejuruteraan Sistem Elektrik) Ph.D
	Kejuruteraan Elektronik Industri		
	Kejuruteraan Sistem Tenaga		
Pembuatan	Kejuruteraan Pembuatan	Kejuruteraan Pembuatan	M.Sc. (Kejuruteraan

	Kejuruteraan Rekabentuk Produk	<i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	Pembuatan) M.Sc. (Kejuruteraan Reka Bentuk Produk) Ph.D
Bahan	Kejuruteraan Bahan	Kejuruteraan Metalurgi <i>*telah mendapat pengiktirafan</i>	M.Sc. (Kejuruteraan Bahan) M.Sc (Kejuruteraan Polimer) Mod Campuran Ph.D
	Kejuruteraan Metalurgi		
	Kejuruteraan Polimer		
Bioproses	Kejuruteraan Bioproses		M.Sc. (Kejuruteraan Bioproses) Ph.D
	Kejuruteraan Biosistem		
Alam Sekitar	Kejuruteraan Alam Sekitar		M.Sc. (Kejuruteraan Alam Sekitar) Ph.D
	Kejuruteraan Bangunan		
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan)		MBA (Pengurusan Kejuruteraan) (Program Baru) -Mod Kerja kursus
	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa)		

Sehingga kini UniMAP telah mempunyai **enam** program pengajian diploma, **dua puluh satu** program pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan (jumlah ini melebihi bilangan program pengajian kejuruteraan di universiti-universiti yang lebih lama ditubuhkan),

**satu** program pengajian perniagaan antarabangsa, **satu** program pengajian keusahawanan kejuruteraan, **tiga belas** program ijazah sarjana sains dan ke semua pusat pengajian kejuruteraan menawarkan program pengajian peringkat doktor falsafah/Ph.D dalam pelbagai bidang khusus kejuruteraan.

Dari aspek tenaga akademik pula, UniMAP sentiasa memberi fokus dalam menyediakan tenaga akademik/pensyarah yang berkaliber dan mempunyai kelulusan dalam bidang-bidang pengajian masing-masing. **(Huraian ini merujuk jadual 2 di slide presentation).** UniMAP memiliki sejumlah 632 tenaga pengajar yang terdiri daripada pensyarah, tutor dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV). Jika dipecahkan, jumlah pensyarah adalah seramai 451 orang dengan 26 daripadanya berjawatan Profesor, 93 orang memiliki Ijazah Doktor Falsafah dan 358 orang memiliki ijazah sarjana dan akan mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah mengikut urutan.

Jadual 2: Bilangan Tenaga Akademik

<b>BILANGAN</b>	<b>KATEGORI TENAGA PENGAJAR</b>					
	<b>Profesor</b>	<b>Berkelayakan Ph.D</b>	<b>Ijazah Sarjana</b>	<b>PLV</b>	<b>Guru Bahasa</b>	<b>Tutor</b>
<b>672</b>	81	100	389	156	21	6
		Bilangan Pensyarah <b>489</b>				

Sejak tahun 2003 hingga Oktober 2010 kita memiliki sejumlah 295 tenaga pengajar yang mengikuti program SLAB/SLAI serta Staf yang sedang cuti belajar di Peringkat Ph.D di dalam dan luar negara. Seramai 197 memilih untuk menyambung pengajian di dalam negara manakala baki 98 lagi memilih untuk menyambung di luar negara. **(Huraian ini merujuk kepada jadual 3 – slide presentation)**

Jadual 3: Bilangan Fellow SLAB/SLAI dan Staf Cuti Belajar di Peringkat Ph.D di Dalam dan Luar Negara

Negara	Bilangan
Dalam Negara	197
Luar Negara	98
Jumlah	295

UniMAP juga memiliki tenaga pengajar/pensyarah dari luar negara yang berkemahiran tinggi dalam menyalurkan ilmu pengetahuan kepada anak-anak semua. Mengikut rekod yang saya perolehi, sehingga kini UniMAP mempunyai 61 pensyarah luar daripada 16 buah negara di seluruh dunia. **(Huraian ini merujuk kepada Jadual 4 di Slide Presentation)**

Jadual 4: Bilangan Pensyarah Antarabangsa Mengikut Negara

<b>Bil.</b>	<b>Negara Asal</b>	<b>Bilangan</b>
1.	Indonesia	17
2.	India	12
3.	Iraq	7
4.	Myanmar	5
5.	Bangladesh	6
6.	Great Britain	1
7.	Republik Kyrgyz	1
8.	Australia	1
9.	Pakistan	1
10.	Thailand	2
11.	Jepun	1
12.	Republik Uzbekistan	1
13.	Republik Rakyat China	1
14.	Sudan	1
15.	United Kingdom	1
16.	Filipina	3
<b>Jumlah</b>		<b>61</b>

Bagi mewujudkan suasana dan persekitaran antarabangsa di UniMAP, kami juga semenjak tahun 2009 telah menerima kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa ke UniMAP untuk mengikuti pelbagai program pengajian di sini. Pelajar antarabangsa ini bukan sahaja mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, malah ada yang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Ph.D. **(Huraian ini merujuk kepada Jadual 5 di Slide Presentation)**

Jadual 5: Bilangan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara

BIL	NEGARA	BILANGAN	PERINGKAT PENGAJIAN			
			Sarjana Muda		M.Sc	Ph.D
			2009/10	2010/11		
1.	Indonesia	53	6	23	6	18
2.	Bangladesh	5	-	-	3	3
3.	India	8	-	-	5	3
4.	Iraq	16	-	1	3	18
5.	Thailand	3	-	1	2	-
6.	Algeria	1	-	-	-	1
7.	Nigeria	1	-	-	-	1
8.	Syria	3	1	1	1	2
9.	Jordon	1	-	-	-	1
10.	Pakistan	1	-	-	-	1
11.	Libya	9	-	-	10	-
12.	Yamen	64	38	25	-	1
13.	China	69	26	43	-	-
14.	Sudan	3	1	2	-	-
15.	Mauritius	3	1	2	-	-
16.	Somalia	22	12	10	-	-
17.	Uzbekistan	3	-	5	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>265</b>	<b>85</b>	<b>113</b>	<b>30</b>	<b>49</b>

Hadirin sekalian,

Selain itu, UniMAP semakin mengorak langkah dengan meraih pelbagai kejayaan dalam bidang pembangunan dan penyelidikan seperti pada **International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX)** ke 22, 2011 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini. ITEX2011 merupakan pameran terkemuka di Asia dan sebanyak 722 produk penyelidikan dari 14 negara iaitu Malaysia, Russia,

Poland, Canada, Saudi Arabia, Iran, Sri Lanka, the Philippines, Korea, China, Hong Kong, Taiwan, Brunei and Vietnam menyertai pameran ini. Pada pameran itu, UniMAP telah menghantar 50 produk penyelidikan.

UniMAP berjaya meraih tempat **pertama keseluruhan** dengan 11 pingat emas, 24 perak dan 11 pingat gangsa, melayakkan UniMAP dinobatkan sebagai penerima Anugerah Patron pada ITEX2011 kerana punggutan pingat tertinggi. UniMAP turut meraih anugerah Best Green Invention 2011 melalui produk A New Potential Organo Metallic Conductive Polymer As A Sensor For BTEX Detector oleh Dr. Supri A. Ghani dan kumpulan penyelidikannya. **(Huraian ini merujuk kepada Jadual 6 di Slide Presentation)**

Pada ITEX 2011 juga , Malaysian Invention And Design Society (MINDS) turut memberikan anugerah **Champion of MINDS** kepada saya. Anugerah tersebut sebagai satu pengiktirafan kepada sumbangan dan usaha-usaha yang dilakukan dalam menaikkan inovasi dan penyelidikan untuk penyelidik muda ke peringkat lebih tinggi.

Jadual 6: Bilangan Pensyarah Antarabangsa Mengikut Negara

BIL	NAMA IPT		PINGAT			JUMLAH PRODUK	JUMLAH PINGAT
			EMAS	PERAK	GANGSA		
1.	UniMAP	[ Universiti Malaysia Perlis ]	11	24	11	50	46
2.	UPM	[ Universiti Putra Malaysia ]	10	10	2	23	22
3.	UM	[ Universiti Malaya ]	8	11	10	34	29
4.	USM	[ Universiti Sains Malaysia ]	7	6	4	17	17
5.	UIAM	[Universiti Islam AntaraBangsa Malaysia]	6	7	3	20	16
6.	UMP	[Universiti Malaysia Pahang]	5	5	3	16	13
7.	UTM	[Universiti Teknologi Malaysia]	4	9	3	17	16
8.	UTeM	[ Universiti Teknikal Malaysia Melaka]	3	10	6	23	19
9.	UTHM	[ Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ]	3	7	8	21	18
10.	UiTM	[ Universiti Teknologi MARA ]	3	7	-	19	10
11.	UMT	[ Universiti Malaysia Terengganu ]	1	1	-	2	2

Sementara itu, setakat hari Jumaat lepas, dalam ranking ;

**1. Webometric - Ranking of World Universities (Malaysia) , UniMAP berada dikedudukan ke 995 Dunia dan ke enam di peringkat IPT.**

(Rujuk kepada Jadual 7 di Slide Presentation)

**2. Webometric - Ranking of Repositories – tempat ke 239 dunia**

(Rujuk kepada Jadual 8 di Slide Presentation)

**3. EduRoute – kedudukan ke 7459 dunia dan 4 di Malaysia**

(Rujuk kepada Jadual 9 di Slide Presentation)



#### **4. SCOPUS – Kedudukan ke 18 di Malaysia**

(Rujuk kepada Jadual 10 di Slide Presentation)

#### **5. 4 International Colleges & Universities Ranking –Kedudukan ke 3 di Malaysia**

(Rujuk kepada Jadual 11 di Slide Presentation)

#### **6. Journal & Country Ranking – Malaysia di kedudukan 44**

(Rujuk kepada Jadual 12 di Slide Presentation)

#### **7. Top universities in Malaysia – di tempat 995 dunia dan tempat ke 6 di Malaysia**

(Rujuk kepada Jadual 13 di Slide Presentation)

Selain bidang penyelidikan UniMAP juga cemerlang dalam bidang sukan dimana baru-baru ini dalam Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun (Sukanun) Kebangsaan yang berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), UniMAP berjaya merangkul lima pingat dimana dua pingat emas dalam acara golf dan bola sepak, dua pingat perak dan satu gangsa. Bagi keseluruhan kejohanan, UniMAP berjaya menduduki tempat kelima dari 70 agensi yang bertanding. Untuk makluman, UniMAP bakal menjadi tuan rumah bagi kejohanan ini yang akan diadakan pada tahun 2013. Penganjuran di negeri Perlis ini secara tidak langsung dapat meningkatkan industri pelancongan serta merangsang

pertumbuhan ekonomi negeri Perlis kerana lebih 7,000 ribu atlet akan membanjiri Perlis.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Apa pun persepsi masyarakat terhadap kekuatan, kelemahan dan keupayaan UniMAP, saya kira data dan maklumat yang dikongsi sebentar tadi dapat menggambarkan kedudukan sebenarnya. Tuan/puan buatlah penilaian sendiri dengan seadil-adilnya berdasarkan data dan fakta. Tetapi bagi kami warga Universiti ini, UniMAP yang berumur sembilan tahun ini mempunyai kekuatan yang tersendiri. Namun, masih ada ruang-ruang kelemahan yang wajar dibaiki.

Tetapi, percayalah bahawa berdasarkan rekod-rekod yang ditunjukkan, UniMAP ialah 'Universiti Pilihan yang Berdaya Saing'. UniMAP ialah institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa menjelang tahun 2020.

InsyaAllah marilah bersama-sama kita menadah tangan dengan penuh rasa rendah diri memohon agar segala usaha yang digerakkan oleh setiap warga UniMAP ke arah keterlihatan antarabangsa yang menyerlah menjelang 2015 membuahkan hasil sekaligus menjadikan institusi ini disegani diperingkat antarabangsa.

Saya juga berharap agar semua ibu bapa tidak perlu khuatir mengenai penginapan anak-anak kerana UniMAP menyediakan kemudahan 100 peratus penginapan kepada semua pelajar.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya berharap agar ucapan saya tadi akan menghilangkan kerungsingan anda untuk melepaskan anak anda kepada kami sepanjang tempoh masa pengajian mereka di sini.

Saya bagi pihak universiti ingin memohon maaf kepada semua ibu bapa dan waris jika terdapat sebarang kesulitan sepanjang tempoh pendaftaran para pelajar pada hari ini. Semoga kita berjumpa lagi di masa-masa hadapan dan insyaAllah pertemuan kita akan lebih bermakna apabila anda menghadiri majlis graduasi mereka kelak.

**Menuntut Ilmu, Kehujung Negeri,  
Mencari Bekalan, Penentu Masa Depan,  
Darilah Jauh, Datang Kemari,  
Selamat Datang, UniMAP Ucapkan,**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh